

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul. (ARAS 5)

- | | |
|--|---|
| <p>1 I Ibu memasak <i>dengan</i> kakak menyapu sampah.
 II Mesyuarat dimulakan <i>dengan</i> ucapan pengerusi persatuan.
 III <i>Dengan</i> berbekalkan semangat waja, dia meneruskan pendakiannya.
 IV Haslina hendak bertemu <i>dengan</i> adik kembarnya yang telah terpisah.
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> | <p>3 I Huda memotong kulit popia secara <i>serong</i>.
 II Hancur hati Ibu apabila melihat perbuatan <i>serong</i> anaknya itu.
 III Kita tidak boleh terlalu cepat memandang <i>serong</i> terhadap orang lain.
 IV Ahmad risau melihat pokok kelapa yang <i>serong</i> apabila ditiup angin.
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> |
| <p>2 I Ibu kelihatan begitu <i>sulit</i> untuk bangun kerana sakit lutut yang dialaminya.
 II Perkara itu <i>sulit</i> untuk dihuraikan kerana melibatkan banyak pihak.
 III <i>Sulit</i> hidupnya sejak kematian ibu dan bapanya.
 IV Dia sudah <i>sulit</i> untuk kembali ke tempat itu lagi.
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> | <p>4 I Kakak tidak mahu mengenang peristiwa <i>lalu</i> yang menggores hatinya.
 II Dia tidak mahu <i>lalu</i> di kawasan yang menyeramkan itu.
 III Sudah seminggu adik tidak <i>lalu</i> makan kerana demam.
 IV Ahmad sangat letih <i>lalu</i> dia tidak dapat tidur.
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> |

Bahagian B

Dalam petikan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula. (ARAS 1)

Gunung Jerai menjadi salah satu pusat pelancongan yang terkenal di Kedah. Namun, ada kisah misteri disimpan di sini. Kisah yang terpalang popular bagi sesetengah penduduk tempatan tentang Gunung Jerai ialah kisah orang bunian. Gunung itu dikatakan menjadi penempatan bunian terbesar yang seorang raja perintah. Penduduk di sekitar Gunung Jerai percaya bahawa kawasan itu mempunyai sekurang-kurangnya tiga buah perkampungan bunian. Bunian ini dikatakan akan menjadikan diri mereka menyerupai siapa-siapa sahaja yang disukainya termasuk perempuan cantik.

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____